

PM: Keadaan mungkin jadi lebih sukar

Malaysiakini

25 Mac 2020

Bilangan kes jangkitan Covid-19 di negara ini meningkat kepada 1,796 kes setakat tengah hari ini.

Perdana Menteri Muhyiddin Yassin, dalam ucapan secara langsung di televisyen berkata, sebanyak 172 kes baru direkodkan hari ini dan memberi amaran angka itu mungkin menjadi lebih buruk.

Beliau juga berkata dua kematian lagi telah dilaporkan, menjadikan angka kematian kini meningkat kepada 17.

"Saya nak menyebut di awal-awal ini bahawa keadaan berkemungkinan menjadi lebih sukar.

"Covid-19 adalah penyakit yang tidak pernah kita dihadapi sebelum ini.

"Tidak pernah kita jangkakan bahawa kehidupan kita akan berubah dalam

sekelip mata hanya kerana sejenis wabak yang menular bukan sahaja di tempat kita tetapi juga di seluruh dunia.

"Kadar jangkitannya begitu. Hari ini seramai, 422,829 orang telah dijangkiti wabak ini di seluruh dunia dengan 18,907 kematian," katanya.

Muhyiddin berkata, beliau telah diberikan taklimat oleh pihak Majlis Keselamatan Negara bahawa peningkatan kes positif Covid- 19 dijangka meningkat lebih tinggi.

"Jumlahnya mungkin meningkat berkali-kali ganda lagi seperti yang berlaku di beberapa buah negara lain.

"Dari satu segi perintah kawalan pergerakan yang kita ambil telah sedikit sebanyak berjaya mengawal penularan wabak ini," katanya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/516725>